

SOALAN NO:106

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]
TARIKH :
SOALAN : 106

YB Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah diambil Kerajaan bagi memastikan nisbah 1 doktor kepada 400 pesakit dapat dicapai menjelang tahun 2020 dan apakah punca yang dikatakan hampir 150 doktor pakar yang bekerja dengan Kementerian Kesihatan meletakkan jawatan setiap tahun sejak enam tahun lepas.

Tuan Yang DiPertua,

Indikator keperluan doktor yang digunakan oleh pihak antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah nisbah doktor kepada penduduk dan bukanlah nisbah doktor kepada pesakit. Sehingga 31 Disember 2015, nisbah doktor kepada penduduk berdasarkan bekalan (*supply*) doktor adalah 1:656, sementara nisbah doktor berdasarkan permintaan (*demand*) adalah 1:520. Dengan kadar pengeluaran graduan perubatan dari dalam dan luar negara yang

semakin meningkat dijangkakan bahawa pada tahun 2020, nisbah doktor berdasarkan bekalan (*supply*) ialah 1:500, dan nisbah doktor berdasarkan permintaan (*demand*) ialah 1:480. Nisbah 1:400 berdasarkan bekalan (*supply*) mungkin dicapai sekitar tahun 2028 dan nisbah berdasarkan permintaan (*demand*) hanya akan tercapai selepas tahun 2030.

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia, purata bilangan Pakar Perubatan yang meletakkan jawatan bagi tempoh 2012 hingga 2016 adalah seramai 137 orang. Antara **alasan utama** peletakan jawatan Pakar Perubatan berkenaan adalah atas sebab peribadi dan untuk berkhidmat di swasta.

SOALAN NO. 107**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]

SOALAN :

YB Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah terkini rakyat Malaysia yang diisytihar muflis akibat daripada menjadi penjamin dan apakah langkah atau inisiatif yang ada untuk membantu mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), statistik terkini sejak tahun 2012 hingga Mei 2017 menunjukkan seramai 109,525 orang diisytiharkan bankrap dan daripada jumlah tersebut seramai 9,495 orang (8.67%) yang diisytiharkan bankrap akibat menjadi penjamin iaitu seramai 3,443 orang penjamin korporat dan 6,052 orang penjamin sosial. Jumlah kebankrapan melibatkan penjamin yang paling tinggi adalah pada tahun 2014 iaitu seramai 2,076 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara strategi Kerajaan untuk mengurangkan beban hutang rakyat adalah melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia yang mengadakan program-program memberi kesedaran mengenai kebankrapan terutamanya implikasi kebankrapan kepada semua golongan supaya masalah ini dapat ditangani di peringkat awal lagi.

Mdl juga merancang untuk meluaskan jaringan perhubungan kerjasama *outreach programme* dengan badan-badan berkanun dan badan-badan bukan Kerajaan melalui *Consultative Meeting* bersama Rakan-rakan Strategik Mdl, aktiviti *Corporate Social Responsibility (CSR)* yang akan dijalankan di cawangan-cawangan Mdl dan *roadshow* yang menyasarkan penglibatan orang awam dan individu yang dijatuhkan perintah kebankrapan secara khusus, bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam akan masalah keberhutangan yang serius.

Selain itu, Mdl turut membantu dalam aspek pentadbiran kes kebangkrapan supaya bankrap boleh keluar daripada kebangkrapan dengan cepat dan diberi peluang kedua. Pada masa kini, Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] telah memperuntukkan empat (4) kaedah atau cara bagaimana seseorang bankrap untuk keluar dari kebangkrapannya iaitu:

- (i) pelepasan oleh mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360;
- (ii) pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah Seksyen 33A Akta 360;
- (iii) pembatalan di bawah Seksyen 105 Akta 360; dan
- (iv) komposisi (*composition*) atau skim penyusunan (*scheme of arrangement*) hutang di bawah Seksyen 26 Akta 360.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa peruntukan alternatif melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [Akta A1534] yang akan membantu penjamin bagi menyelesaikan keberhutangan mereka tanpa dibankrapkan. Antaranya adalah:

- (a) **Tindakan kebangkrapan tidak boleh diambil terhadap penjamin sosial manakala penjamin bukan sosial boleh dibankrapkan hanya dengan kebenaran mahkamah**

Penjamin sosial bermaksud seseorang yang memberikan jaminan (bukan dengan tujuan membuat keuntungan) bagi maksud berikut:

- (i) pinjaman, biasiswa, pendidikan atau penyelidikan;
- (ii) transaksi sewa-beli kenderaan bagi kegunaan persendirian (bukan untuk kegunaan perniagaan); atau
- (iii) transaksi pinjaman perumahan (kediaman persendirian).

Kerajaan menerusi Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 telah mewujudkan perlindungan mutlak bagi penjamin sosial daripada prosiding kebangkrapan iaitu prosiding kebangkrapan sama sekali tidak boleh diambil terhadap penjamin sosial. Namun begitu tindakan pelaksanaan dan penguatkuasaan lain di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 masih boleh diambil terhadap penjamin sosial. Manakala bagi penjamin bukan sosial pula, prosiding kebangkrapan terhadap penjamin bukan sosial ini tidak boleh diambil tanpa mendapat kebenaran dari mahkamah terlebih dahulu.

(b) **Nilai minimum kebangkrapan (*threshold*) dinaikkan**

Satu perubahan dasar dengan nilai minimum kebangkrapan daripada RM30,000 dinaikkan kepada satu jumlah yang lebih tinggi dan munasabah iaitu RM50,000 telah diwujudkan dengan mengambil kira faktor inflasi, nilai mata wang dan keadaan ekonomi semasa.

(c) **Menetapkan keutamaan penyampaian Notis Kebankrapan dan Petisyen Kebankrapan secara kediri atau pos berdaftar dengan akuan terimaan penghutang**

Dari segi praktikalnya, sebahagian besar individu dibankrapkan tanpa pengetahuan mereka disebabkan Notis Kebankrapan dan Petisyen Kebankrapan diserahkan melalui penyampaian ganti. Kaedah penyampaian tersebut merupakan ketidakadilan bagi seseorang bankrap dan ada pemiutang yang mengambil kesempatan terhadap kelemahan undang-undang untuk membankrapkan seseorang

individu. Perubahan dasar dengan menetapkan keutamaan penyampaian secara kediri atau pos berdaftar dengan akuan terimaan penghutang dilaksanakan dalam penyampaian Notis Kebankrapan dan Petisyen Kebankrapan.

(d) **Mewujudkan Mekanisme Penyelamat (*Rescue Mechanism*)**

Dalam Akta 360, hanya terdapat satu Mekanisme Penyelamat iaitu skim komposisi atau penyusunan semula hutang. Akta 360 memberikan peluang kepada seseorang penghutang untuk membuat penyusunan semula selepas Perintah Penerimaan dibuat oleh mahkamah. Namun, ia tidak digunakan dan dimanfaatkan dengan sepenuhnya disebabkan ketidakfahaman pemakaian peruntukan yang berkaitan. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa peruntukan Mekanisme Penyelamat melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [Akta A1534] yang mana sebelum perintah kebangkrapan diberikan oleh mahkamah, penghutang diberi peluang menyusun semula hutang dengan kerjasama pihak pemiutang atau institusi kewangan berasaskan kerangka perundangan insolvensi seperti penyusunan sukarela individu (*Individual Voluntary Arrangement – IVA*). Mekanisme Penyelamat bertaraf antarabangsa ini akan dikendalikan dengan bantuan AKPK dan *nominee* yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Insolvensi.

Sekian, terima kasih.